

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]
TARIKH : 25.3.2015
SOALAN :

Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa begitu banyak guru dari Semenanjung dihantar ke Sarawak untuk mengajar. Kalau guru berasal dari rakyat Sarawak tidak mencukupi, mengapa tidak melatih lebih banyak guru berasal dari Sarawak. Berapakah jumlah guru yang ditempatkan di Sarawak pada tahun 2013 dan 2014, senaraikan mengikut kaum dan negeri asal mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara prinsipnya, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi keutamaan bagi menempatkan guru kelahiran dari negeri Sarawak untuk mengisi kekosongan jawatan di negeri tersebut dan pada masa yang sama KPM perlu memastikan penempatan dan pertukaran guru dilaksanakan berdasarkan keperluan opsyen dan kekosongan perjawatan.

Secara keseluruhannya, trend komposisi guru sekolah KPM di Sarawak menunjukkan peratusan guru tempatan adalah tinggi berkhidmat di negeri asal. Dalam tempoh 2012-2015, didapati lebih 78% guru sekolah

rendah dan lebih 73% guru sekolah menengah merupakan guru tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 25 Februari 2015, terdapat seramai 20,912 orang atau 77.9 peratus guru berasal dari Sarawak berbanding keseluruhan 26,848 orang guru terlatih yang mengajar di sekolah-sekolah rendah di seluruh negeri Sarawak. Manakala di peringkat sekolah menengah pula, daripada keseluruhan 15,969 orang guru terlatih, seramai 11,560 orang atau 72.4 peratus guru berasal daripada Sarawak. Mengambil kira kepentingan setempat dan dasar integrasi nasional, KPM seharusnya mengekalkan sekurang-kurangnya 70% guru kelahiran tempatan untuk berkhidmat di sekolah KPM di Sabah dan Sarawak.

KPM juga sedaya upaya cuba memastikan lebih ramai anak-anak Sarawak dilatih menjadi guru untuk berkhidmat di negari kelahiran mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan yang diterima daripada anak-anak Negeri Sarawak bagi mengikuti PPISMP di Institut Pendidikan Guru Ambilan Jun 2014 ialah 5,292 orang calon. Jumlah yang layak dipanggil Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG) dan menepati syarat asas ialah 1,713 orang calon. Bilangan yang lulus UKCG dan dipanggil untuk tapisan terakhir iaitu temu duga adalah 665 orang calon. Dari jumlah ini, seramai 398 calon telah berjaya ditawarkan pengajian di IPG. Jika dibandingkan bilangan calon yang dipanggil temu duga dan bilangan calon yang berjaya menunjukkan **59.85 peratus calon anak Negeri Sarawak telah berjaya ditawarkan** kemasukan

mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Ambilan Jun 2014 di IPG KPM.

Antara sebab calon tidak ditawarkan adalah kerana tidak lulus beberapa tapisan kemasukan ke IPG selain bilangan calon yang terlalu ramai bertumpu kepada bidang-bidang tertentu sahaja. Manakala lebih calon tidak dapat ditawarkan ke bidang lain atas sebab-sebab tidak mempunyai skor amali (Pendidikan Jasmani/Muzik/Pendidikan Islam/Bahasa Arab) dan tidak memenuhi syarat bidang lain.

RJM66

SOALAN (75)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 25 MAC 2015
[RABU]**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR
BIN MUSA
[KETEREH]**

SOALAN :-

**Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA
[KETEREH]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perkembangan
terkini sasaran pembinaan sejuta rumah mampu milik dalam tempoh 5
tahun, berapa unit yang telah berjaya disiapkan dan apakah halangan
dalam pelaksanaan projek berkenaan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Mesyuarat Majlis Perumahan Negara, kerajaan telah mensasarkan pembinaan sejuta unit rumah mampu milik dalam tempoh 5 tahun (2013-2018) yang melibatkan pelbagai pihak di peringkat Persekutuan, Negeri dan Sektor Swasta.

Bagi perancangan 5 tahun tersebut, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mensasarkan sebanyak 60,789 unit rumah untuk disiapkan, dimana sejumlah 11,964 unit rumah telah disiapkan. Manakala 48,825 unit rumah masih dalam pelbagai peringkat perolehan dan pembinaan bergantung kepada kelulusan peruntukan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Antara halangan dalam pelaksanaan projek yang dihadapi oleh Kementerian adalah kesukaran mendapatkan tapak tanah yang sesuai dan strategik. Hal ini memerlukan kerjasama dan komitmen antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Kementerian kini dalam perancangan penubuhan '*Land Bank*' bagi mengatasi masalah berkenaan.

STATUS PELAKSANAAN RUMAH MAMPU MILIK 2013 – 2017 (SEHINGGA NOVEMBER 2014)

Bil.	Agensi	Status Pelaksanaan (Unit)		
		Perancangan	Pembinaan	Slap
1.	KPKT	48,154	671	11,964
2.	Agensi Kerajaan Persekutuan	2,694	8,688	6,651
3.	Agensi Kerajaan Negeri	8,495	2,796	11,002
4.	PPA1M	16,512	6,672	0
5.	PR1MA	87,479	11,359	0
6.	SPNB	86,134	12,671	24,857
7.	Pemaju Swasta	Tiada maklumat	Tiada maklumat	40,650
JUMLAH		249,468	42,857	95,124